



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***MINAT, TRET PERSONALITI DAN KOMPETENSI  
KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PESERTA AKADEMI  
PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA***

**MOHD ZAKI BIN MAHMUD**

**IPSS 2009 5**

**MINAT, TRET PERSONALITI DAN KOMPETENSI  
KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PESERTA AKADEMI  
PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA**



**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk  
Ijazah Master Sains**

**2009**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**MINAT, TRET PERSONALITI DAN KOMPETENSI KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PESERTA AKADEMI PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA**

Oleh

**MOHD ZAKI BIN MAHMUD**

**Ogos 2009**

**Pengerusi : Profesor Dr. Azimi Hamzah, PhD**

**Fakulti : Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS)**

Kajian ini dijalankan untuk menentukan tahap minat, tret personaliti dan kompetensi keusahawanan dalam kalangan peserta Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM). Sampel kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan 245 responden yang telah mengikuti kursus jangka pendek Program Pembangunan Keusahawanan di bawah kelolaan Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia. Instrumen kajian adalah berpandukan kepada penggunaan alat pengukuran psikologi yang diperkenalkan oleh Sidek Mohd Noah (1996), dikenali dengan Inventori Minat Kerjaya Sidek (IMKS) mengenai pengukuran tahap minat seseorang usahawan. Penggunaan alat pengukuran psikologi ini juga digunakan untuk melihat tahap skor tret personaliti usahawan, dengan menggunakan instrumen Inventori Personaliti Sidek (IPS) dan juga melihat tahap kompetensi diri sebagai asas untuk melihat tahap belia yang mengikuti kursus pembangunan usahawan dalam kalangan peserta APBM yang berminat dalam bidang keusahawanan.

Objektif kajian ini ialah untuk menentukan tahap skor melalui minat, tret personaliti dan kompetensi diri dalam kalangan peserta Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) dalam melahirkan belia dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.

Dapatan kajian yang menunjukkan responden berada pada skor yang sederhana dalam kategori yang berkaitan dengan minat, tret personaliti dan kompetensi dalam bidang keusahawanan. Kajian juga menunjukkan bahawa kategori minat belia ialah pada skor minat kepada kategori sosial, kedua konvensional dan ketiga baru kepada kategori *enterprising*, sedangkan dalam perniagaan perkara yang utama adalah minat dan skor yang dikehendaki dalam ujian. Ini ialah pertama skor *enterprising*, kedua konvensional dan ketiga sosial, ini bererti peserta kursus masih memerlukan skor kekuatan minat yang tinggi.

Ini menunjukkan bahawa tiada kesinambungan dalam perniagaan ini, adalah berkaitan dengan kurang minat serta skor tret personaliti dan kompetensi yang sederhana. Oleh itu, penemuan kajian ini boleh dijadikan landasan untuk memajukan institut latihan yang berkaitan agar institut tersebut berperanan dengan lebih efektif dan berjaya dalam memberi dorongan minat, personaliti dan kompetensi dengan menggunakan pendekatan alat pengukuran psikologi. dorongan dan motivasi yang tinggi, untuk meneruskan dalam bidang keusahawanan sebagai usahawan yang berjaya.

Penggunaan alat pengukuran psikologi didapati dalam min skor tret personaliti menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap skor yang sederhana terhadap tret personaliti. Untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya ia perlu mempunyai tahap personaliti yang tinggi dan kompetensi yang tinggi. Walau bagaimanapun, dapatan kajian didapati skor yang rendah.

Ini bermakna bahawa usahawan belia dilihat masih mempunyai kekurangan yang perlu diberi perhatian bagi memastikan kemampuan untuk menjadi usahawan yang berjaya dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Maka inilah peranan yang dimainkan dalam kajian ini iaitu ujian minat, tret personaliti dan kompetensi diri untuk membina serta melahirkan dalam kerjaya keusahawanan.

Analisis ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan min skor antara minat, tret personaliti dan kompetensi. Kajian ini juga melihat dan menunjukkan perbezaan antara lelaki dan perempuan. Ia juga menunjukkan secara keseluruhan bahawa responden mempunyai keupayaan untuk maju dalam bidang keusahawanan jika mereka menunjukkan minat, tret personaliti dan kompetensi yang tinggi dan motivasi yang kuat dalam diri responden jika mereka hendak berjaya dan memilih usahawan sebagai kerjaya.

Abstract of thesis presented to the senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science.

**INTEREST, PERSONALITY TRAITS AND ENTERPRENUERSHIP  
COMPETENCY AMONG PARTICIPANTS OF ‘AKADEMI PEMBANGUNAN  
BELIA MALAYSIA’**

By

**MOHD ZAKI BIN MAHMUD**

**August 2009**

**Chairman : Proffesor Dr. Azimi Hamzah, PhD**

**Faculty : Institute of Social Science Studies**

This study was to determine the level of interest, personality traits and entrepreneurship competency among participants of Akedemi Pembangunan Belia Malaysia' (APBM). The study involved 245 respondents who had participated in a short course programme organized by the Ministry of Youth and Sports Malaysia namely 'Program Pembangunan Keusahawanan'.

Instruments were "Inventori Minat Kerjaya Sidek" (IMKS) and 'Inventory Personality Sidek' (IPS). IMKS which was introduced by Sidek Mohd Noah (1996) is a psychological measurement tool meant to measure the interest level of an entrepreneur. IPS measures the score of personality traits and self competency in order to identify the entrepreneurship level amongst the participants.

The main objective of this study was to know-how? among the participants of APBM, and second objective was to determine the participant's level of interest, personality traits and self competency in order to develop youth who are competent in the field of business and enterprising.

Findings showed that respondents scored average in interest, personality traits and competency in entrepreneurship category. Finding also showed that respondents scored higher in social and conventional category. The main requirement in business area is to have the highest level of enterprising, conventional and social.

There was no relation in this business due to low interest and an average score in personality traits and self competency. The finding of this study can be used as a guideline to enhance and develop the relevant institution, to become more effective and efficient in motivating the young entrepreneur in term of interest, personality and competency.

This means that young entrepreneur still have lack of interest, personality and self competency in this area. These skills play an important role, therefore closer attention should be given to them in order to produce and develop excellent entrepreneurs.

The Analysis of Variance showed that there is a significant score differences amongst interest, personality traits and competency. It also shows score differences between male and female participants.

The study can concluded that respondents may excel in business and enterprising and choose enterprising as a career if they show higher interest, personality traits and posse's strong self competency and motivation.



## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Yang Maha Pengasih Lagi Penyayang kerana dengan limpah kurnia-Nya, saya dapat menyiapkan penulisan ini dengan sempurna. Segala puji bagi Allah s.w.t. Tuhan sekalian Alam, Selawat dan Salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. para sahabat, tabii'-tabii' serta seluruh kaum Muslimin dan Muslimat. Sepanjang menjalankan kajian ini, saya telah mendapat sokongan, bantuan dan kerjasama yang tidak ternilai dari pelbagai pihak. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia tesis saya iaitu Profesor Dr. Azimi bin Haji Hamzah kerana telah banyak memberikan bimbingan serta tunjuk ajar dalam menyiapkan penulisan ini. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada isteri saya Yaumee Hayati binti Mohammad serta anak-anak saya Muhammad Kamaalul Arifin, Siti Saeidah, Siti Sakinah, Muhammad 'Azim dan Siti Samihah yang telah banyak berkorban dan memberi sokongan dan galakan yang tidak terhingga dari awal hingga akhir penulisan ini. Semoga Allah s.w.t memberi ganjaran yang setimpal di atas pengorbanan mereka itu serta melimpahkan kebahagiaan kepada kami sekeluarga di dunia dan akhirat.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada Prof. Dr. Turiman Suandi dan Dr. Shamsuddin bin Ahmad kerana telah memberi motivasi dan sudi meluangkan masa berbincang serta memberi bimbingan, galakan, saran, tunjuk ajar dan semangat yang sangat berguna sejak dari peringkat penyediaan cadangan penyelidikan

hingga ke peringkat tesis ini disempurnakan. Kesabaran anda semua dalam memberi masa dan ruang tanpa jemu hingga membolehkan tesis ini dapat disiapkan ini amat bermakna bagi saya. Tidak lupa juga kepada Dr. Aishah binti Kasa yang banyak memberi idea dan sumbangan, budi, jasa dan bakti mereka saya mohon agar dirahmati Allah s.w.t dengan anugerah yang berlipat ganda. Amin.

Saya juga mengucapkan ribuan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh pensyarah Universiti Putra Malaysia terutama di Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan (JPPPL), Institut Pembangunan dan Keamanan (PEKKA) (sekarang dikenali sebagai Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) serta kakitangan dan juga kepada semua agensi yang terlibat dalam menyiapkan tesis ini, antaranya ialah Kementerian Belia Sukan, Malaysia, Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) Batu Gajah, Ipoh, Perak dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri yang turut sama dalam menjayakan penyelidikan sepanjang kajian dibuat di atas segala bimbingan, galakan, pertolongan serta kerjasama dan bantuan yang sangat berguna yang diberikan kepada saya sehingga tesis ini siap disempurnakan. Saya memohon ke hadrat Allah s.w.t agar jasa dan bakti mereka itu diterima sebagai amalan para syuhada serta diberikan ganjaran yang sebaiknya.

Insya-Allah.

## ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>PENGESAHAN</b>	viii
<b>PERAKUAN</b>	x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
Pengenalan	18
Latar Belakang Kajian	18
Pembudayaan Keusahawanan	19
Usahawan Belia	22
Masalah Memupuk Kekuatan Usahawan Belia	25
Kurang Minat untuk Menjadi Usahawan	25
Kurang Komitmen	26
Kurang Modal untuk Bersaing	27
Kekurangan Latihan dalam Bidang Usahawan	27
Infrastruktur yang Terhad	28
Kekurangan Saluran Melahir Usahawan	28
Penyataan Masalah	29
Persoalan Kajian	33
Objektif Kajian	33
Objektif Umum	33
Objektif Khusus	34
Kepentingan Kajian	34
Batasan Kajian	35
Definisi Istilah	36
<b>2 TINJAUAN LITERATUR</b>	
Pengenalan	39
Definisi Usahawan dan Keusahawanan	40
Usaha Kerajaan	44
Fungsi usahawan	46
Kerjaya Sebagai Usahawan	49
Teori Perkembangan Kerjaya	51
Teori Keusahawanan	52
Pendekatan Ekonomi	53
Pendekatan Sosiologi	53
Pendekatan Psikologi	54
Kerjaya Keusahawanan	57
Peranan Pengajar APBM	58
Kejayaan	60
Ciri-ciri Usahawan Berjaya	63

<b>Asas Memilih Kerjaya</b>	66
Penggunaan Pengukuran Minat, Tret Personaliti dan kompetensi	74
Pengukuran Minat	74
Alat Kepentingan Ujian Minat Kerjaya	76
Alat Pengukuran Personaliti	85
Inventor Personaliti Sidek	86
Penilaian Pengukuran Kompetensi	91
Kompetensi Usahawan	91
Mencari Peluang	93
Tabah	93
Kewajipan Terhadap Perjanjian Kerja	93
Tuntutan Terhadap Kualiti dan Kecekapan	95
Mengambil Risiko	95
Mencari Matlamat	97
Perancangan dan Pengesahan yang Sistematik	98
Memujuk dan Jaringan	98
Keyakinan Diri	99
 Minat, Tret Personaliti dan Kompetensi kepada Aktiviti Perniagaan	100
Rumusan	104
 <b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
Pengenalan	105
Reka Bentuk Kajian	105
Kerangka Konseptual Kajian	107
Populasi Kajian dan Persampelan	108
Instrumen Kajian	109
Kajian Rintis	110
Cara Pengumpulan Data	111
Penganalisaan Data	112
Skor Tahap Responden Minat	113
Skor Tahap Personaliti	115
Skor Tahap Kompetensi	117
Latar Belakang Alat Pengukuran Psikologi Keusahawanan Belia	120
Definisi Pengukuran Psikologi	120
Penggunaan Alat Ukuran Psikologi	123
Jenis-Jenis Ujian Psikologi	123
Kesahan dan Kebolehpercayaan Asas Pengukuran	124
 <b>4 DAPATAN KAJIAN</b>	
Pengenalan	128
Demografi Responden	128
Skor Kekuatan Minat Kerjaya sebagai usahawan	136
Skor Kekuatan Tret Personaliti	143
Skor Kekuatan Kompetensi Diri	150
Ujian - T Untuk Minat Kerjaya	154
Ujian - T Untuk Tret Personaliti	154

Ujian - T Untuk Kompetensi	154
Analisa ANOVA Minat	155
Ujian ANOVA Personaliti	156
Ujian ANOVA Kompetensi	156
Kesimpulan	156
<b>5 RINGKASAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	
Ringkasan	158
Latar Belakang Responden	159
Ringkasan Hasil Kajian	160
Perbincangan	165
Ringkasan Dapatan Kajian	168
Implikasi Kajian	170
Cadangan	171
Cadangan Kajian Lanjutan	174
<b>BIBLIOGRAFI</b>	176
<b>LAMPIRAN-LAMPIRAN</b>	
Borang kajian soal selidik untuk mengetahui minat kerjaya tret personaliti dan kompetensi	182
- Soal Selidik Minat Kerjaya	186
- Inventori Personaliti Sidek (IPS)	191
- Soal Selidik Penilaian Kompetensi	199
<b>BIODATA PELAJAR</b>	204

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
3.1 Indek Kebolehpercayaan Instrumen	111
3.2 Kategori Skor Minat	114
3.3 Kategori Skor Tret Personaliti	117
3.4 Kategori Skor Kompetensi	119
4.1 Taburan Responden Mengikut Latar belakang Demografi	129
4.2 Taburan Responden Mengikut Latar belakang Sumber dan Pembimbing	131
4.3 Purata Skor Markah yang Diperoleh Mengikut Minat	138
4.4 Min Kekerapan Skor bagi Sub Kategori Personaliti-i	143
4.5 Min Kekerapan Skor bagi Sub Kategori Personaliti-ii	144
4.6 Min Kekerapan Skor bagi Sub Kategori Kompetensi-i	151
4.7 Min Kekerapan Skor bagi Sub Kategori Kompetensi-ii	151
4.8 Perbezaan Minat Kerjaya Di antara Peserta Lelaki dan Perempuan	155
4.9 Perbezaan Personaliti Di antara Peserta Lelaki dan Perempuan	156
4.10 Perbezaan Kompetensi Di antara Peserta Lelaki dan Perempuan	156

## **SENARAI GAMBAR RAJAH**

<b>Gambar Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
2.1 Jenis Pengukuran Inventori Minat Kerjaya Sidek(IMKS) Sell Search, Holland (1985) dalam Sidek (1996)	80
2.2 Kerangka Konseptual Kajian	107



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### **1.1 Pengenalan**

Bab ini bermula dengan membincangkan latar belakang latihan keusahawanan dari Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Perbincangan tersebut merangkumi fungsi pembangunan keusahawanan belia di APBM seperti latihan kursus yang dijalankan, kaedah serta pendekatan yang digunakan dalam memberi latihan kepada belia-belia yang terlibat. Di bahagian-bahagian yang lain pula, bab ini juga akan memberi penjelasan tentang pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian dan definisi istilah yang digunakan dalam kajian ini.

#### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Keusahawanan merupakan kerjaya terbaik untuk diceburi oleh individu lebih-lebih lagi daripada golongan belia di abad ke-21 ini (Mahyuddin, 1996). Hal ini kerana bidang keusahawanan menjanjikan keuntungan yang besar dan kesenangan pada masa hadapan. Namun dunia keusahawanan ini merupakan kerjaya yang penuh dengan cabaran, lebih-lebih lagi di alaf baru dengan cabaran globalisasi yang menuntut daya saing dan daya tahan yang tinggi bagi menentukan kelangsungan dalam dunia keusahawanan ini. Dunia globalisasi tanpa sempadan memaparkan suatu kaedah yang meletakkan

manusia di persekitaran dunia baharu dengan peraturan-peraturan yang memerlukan anjakan paradigma ke arah membudayakan ilmu dalam kehidupan. Ilmu pengetahuan keusahawanan merupakan asas penjana pembentukan suatu bangsa yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju.

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam usahanya membangunkan usahawan belia bukan sekadar meningkatkan penglibatan belia untuk membangunkan industri desa dan industri kecil negara sahaja, malah ia turut memberi tumpuan untuk meningkatkan ekonomi negara bagi memastikan usahawan belia yang dibentuk mempunyai kekuatan dalaman yang sesuai seperti mempunyai minat, tret personaliti dan kompetensi diri. Sekiranya kesemua kekuatan dalaman tersebut wujud dalam diri seorang usahawan, maka dia akan mampu berdikari dan seterusnya boleh berjaya dalam bidang keusahawanan yang diceburi. Usaha untuk mengubah minat, tret personaliti dan kompetensi golongan belia ini mengambil masa yang panjang, proses perubahan tersebut perlu kepada anjakan paradigma berasaskan kepada minat, tret personaliti tersebut yang akan mewujudkan usahawan belia yang berjaya dalam era globalisasi dan liberalisasi.

### **1.2.1 Pembudayaan Keusahawanan**

Keusahawanan merupakan bidang yang berpotensi untuk diminati serta diceburi oleh golongan belia dalam negara. Keusahawanan juga menjadi semakin penting dalam membangunkan masyarakat perdagangan dan

perindustrian yang mampu berdikari serta memberi sumbangan yang besar dalam membangunkan ekonomi negara. Agensi dan organisasi yang diberi tanggungjawab melahirkan dan membina usahawan belia antaranya ialah Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia, melalui Institusi latihan yang dinamakan Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) yang berpusat di Tronoh, Perak.

Wawasan negara untuk menjadikan negara maju menjelang tahun 2020 menjurus kepada dasar-dasar kerajaan untuk terus menggerakkan negara ke arah Masyarakat Perdagangan dan Perindustri Bumiputera (MPPB) yang berkualiti. Dasar kerajaan ini, secara langsung telah meningkatkan lagi peluang keusahawanan dan melahirkan ramai usahawan dari pelbagai kaum. Usahawan merupakan penggerak utama ekonomi negara. Pelbagai program pembangunan keusahawanan diwujudkan bagi melahirkan masyarakat industri antaranya adalah program pembudayaan keusahawanan.

Pembudayaan bertujuan menyemai dan memupuk nilai keusahawanan serta memberi pendedahan awal mengenai ilmu untuk memulakan perniagaan. Pelaksanaan program pembudayaan ini merangkumi beberapa peringkat, bermula dari aspek penerapan budaya keusahawanan dan latihan keusahawanan sehingga ke peringkat pengembangan jaringan perniagaan bagi mempertingkatkan prestasi dan kemajuan perniagaan. Di samping khidmat nasihat dan bimbingan dan bakal usahawan.

Program pembudayaan keusahawanan khusus di kalangan pelajar sekolah menengah, Institusi pengajian tinggi telah diperkenalkan untuk memupuk minat pelajar menceburi bidang perniagaan berteraskan kepada pengetahuan dan kemahiran telah diperkenalkan secara berperingkat sejak dari peringkat sekolah lagi. Tumpuan utama banyak diberikan kepada masyarakat Bumiputra memandangkan matlamat Dasar Ekonomi Baru belum lagi dicapai sepenuhnya dalam mengusai 30% ekonomi negara (Zaharudin Yahya, 1995).

Mahathir (2002) menyatakan minat terhadap perniagaan dan keusahawanan perlu ditanam sejak daripada peringkat awal terutama semasa persekolahan dan pengajian tinggi. Pembudayaan keusahawanan yang bermula dari awal dapat membentuk satu generasi muda yang sanggup menghadapi cabaran dalam bidang perniagaan. Kerajaan dalam tempoh Rancangan Malaysia ke 9 ingin menambah bilangan usahawan yang unggul dan berjaya. Penglibatan golongan belia dalam aktiviti ekonomi negara masih kurang terutama dalam bidang keusahawanan ini. Walaupun pelbagai dasar dan rancangan telah digubal oleh kerajaan bagi menggalakkan penglibatan golongan belia yang memerlukan bimbingan, latihan dan kemahiran, faktor dalaman yang negatif seperti kurang minat, ciri-ciri personaliti yang kurang dan kompetensi diri usahawan yang menyebabkan kurang berjaya, mempunyai sikap kurang minat dalam membuat sesuatu dan mudah putus asa. Faktor-faktor diatas menyumbang kepada kegagalan dalam kalangan peserta Akademi Pembangunan Belia(APBM) terutama dikalangan usahawan muda. Keadaan ini sudah pasti akan memberi kesan negatif yang besar kepada usahawan

belia secara khususnya dan perkembangan ekonomi negara secara umumnya.

Oleh yang demikian, peranan Kementerian Belia dan Sukan(KBS), dalam membangunkan usahawan belia bukan sekadar meningkatkan ekonomi kemahiran fizikal usahawan belia sahaja, tetapi membentuk faktor minat, tret personaliti dan kompetensi yang akan melahirkan usahawan belia yang berjaya serta mampu berdikari. Golongan usahawan belia juga perlu ditingkatkan keinginan mereka seperti menunjukkan minat, tret personaliti dan kompetensi diri untuk mencapai kejayaan yang cemerlang, gemilang dan terbilang serta menjadikan mereka sentiasa dalam keadaan bersedia untuk bersaing bagi mencapai kejayaan.

### **1.2.2 Usahawan Belia**

Generasi belia merupakan sumber terbesar dalam negara dan mereka berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Keupayaan mengembeling tenaga belia akan menentukan kekuatan dan ketahanan pembangunan sosial, ekonomi dan politik negara. Dari segi Kementerian Belia dan Sukan (KBS), mengikut Dasar Pembangunan Belia Negara (DPBN), tahun 1997 takrif belia adalah umur belia yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Ini adalah kumpulan sasar dalam melaksanakan aktiviti dan program atau memberi kemudahan bantuan, pinjaman perniagaan yang disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) adalah terhad kepada umur seperti yang tersebut di atas. Dalam pelaksanaan Dasar Pembangunan

Belia Negara (DPBN) dimana dalam strategi pelaksanaan terdapat matlamat untuk mewujudkan dan melahirkan lebih banyak usahawan belia selaras dengan agenda memperkasakan pembangunan belia dalam abad ke 21 ini. Justeru itu kerajaan dan sektor swasta telah melaksanakan pelbagai kaedah bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dalam bidang keusahawanan serta tidak perlu bergantung sepenuhnya kepada kerja makan gaji, terutama kepada golongan remaja. Penekanan kepada golongan belia dilakukan kerana kerajaan yakin bahawa ia adalah aset negara. Sesebuah negara akan berupaya menjadi maju jika belia turut terlibat dalam pembangunan negara dan memiliki modal insan yang cemerlang.

Kementerian Belia dan Sukan, Bahagian Pembangunan Belia, Cawangan Pembangunan Ekonomi telah memberi kemudahan pinjaman melalui Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB) ini termasuk usahawan belia niaga dan usahawan belia tani yang mendapat kemudahan pinjaman. Mengikut rekod seramai 456 orang usahawan belia mendapat kemudahan STEB ini, dengan peruntukan RM16,247,000.00, sumber dari Laporan Tahunan Kementerian Belia dan Sukan (2008), manakala kursus pembangunan keusahawanan di bawah anjuran Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) telah melatih seramai 2,400 orang peserta dengan perbelanjaan sebanyak RM286,329.00 diseluruh negara pada tahun 2008.

Usahawan belia yang mendapat kemudahan di bawah Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB) adalah sebahagian besar usahawan belia mempunyai

bidang perniagaan kecil (*micro-business*) atau berskala kecil dengan modal tidak melebihi RM50,000.00, peruntukan kemudahan pinjaman.

Walau bagaimanapun, kebanyakan usahawan belia menghadapi masalah dari segi minat, tret personaliti dan kompetensi disamping unsur lain seperti teknikal dan kemahiran dalam bidang yang mereka ceburi, kekurangan modal untuk membesarkan perniagaan, kurang kemahiran dalam pengurusan perniagaan, kurang pengetahuan dan pengalaman dalam menyusun strategi perniagaan. Usahawan belia turut menghadapi masalah untuk memperoleh maklumat perniagaan mereka sama ada maklumat berkaitan dengan pengurusan, pasaran, persaingan dan kelebihan perusahaan mereka juga kekurangan maklumat yang berkaitan dengan perniagaan mereka, besar kemungkinan akan menyebabkan usahawan belia menghadapi masalah yang lain seperti tidak dapat bersaing dengan pesaing, sering terlepas peluang perniagaan, masalah pengurusan yang tidak efisien, masalah memasarkan produk atau perkhidmatan dan masalah kewangan. Permasalahan dan cabaran ini memerlukan belia mempunyai minat, tret personaliti dan kompetensi yang kental. Sekiranya minat, tret personaliti dan kompetensi tidak dapat diatasi, bagaimana masalah-masalah yang berkaitan dapat dibendung untuk mencapai kejayaan dalam perniagaan mereka pada masa depan.

Namun usaha ke arah pembentukan generasi yang membudayakan semangat keusahawanan ini adalah sesuatu yang perlu dilakukan terutama dalam melahirkan dan mewujudkan usahawan berjaya dengan dorongan dan

rangsangan semangat tetapi perlu disertakan dengan minat, tret personaliti dan kompetensi dalam masyarakat belia terhadap perkara ini.

### **1.2.3 Masalah Memupuk Kekuatan Usahawan Belia**

#### i. Kurang Minat untuk Menjadi Usahawan

Dalam membina generasi belia yang mempunyai jati diri dan kompetensi misi Kementerian Belia dan Sukan (KBS) adalah sebahagiannya menghasilkan belia berwawasan dan memenuhi keperluan negara yang berasaskan kepada konsep 3K iaitu berkemahiran, berkepimpinan dan berkeusahawanan. Mengikut kajian yang dilakukan oleh Bahagian Pembangunan Kemahiran, Kementerian Belia dan Sukan (2006), dimana peserta lepasan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) adalah 65% telah mendapat pekerjaan sama ada sektor kerajaan atau swasta, 20% melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi dan 15% hanya mencebur dalam bidang perniagaan atau berminat dalam keusahawanan. Di bawah Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB) kelolaan Kementerian tidak ramai yang mendapat pinjaman ini walaupun kemudahan ini diberikan dengan syarat yang longgar seperti tidak perlu memberi cagaran tanah seperti yang terdapat di institusi kewangan yang lain, hanya perlu penjamin sahaja. Berdasarkan kepada situasi berkenaan didapati belia remaja tidak berminat bekerja keras untuk menjadi usahawan, kecuali atas sebab tertentu seperti warisan perniagaan, terdesak disebabkan tidak ada jawatan lain atau mempunyai

kemahiran semula jadi. Begitu juga yang berlaku kepada belia lepasan Diploma dan Ijazah Universiti, mereka kurang mempunyai minat dalam bidang keusahawanan kecuali mempunyai pendedahan dan latihan mengenainya dan merasakan mempunyai peluang terbuka untuk mereka.

## ii. Kurang Komitmen

Kebanyakan belia lebih berminat untuk makan gaji daripada menjadi usahawan atau bekerja sendiri (*self-employed*). Hal ini adalah disebabkan golongan belia kurang komitmen dalam bidang keusahawanan sebagai satu bidang yang sukar dan terpaksa menghadapi pelbagai halangan dan cabaran untuk berjaya. Usahawan memerlukan komitmen yang tinggi, seperti mengorbankan banyak masa dan tenaga termasuklah memerlukan keupayaan taakulan yang besar bagi mendapat idea dan hasil yang kreatif dalam mengurus dan menangani masalah perniagaan.

Kerjaya sebagai usahawan menuntut individu bekerja tanpa mempunyai jadual yang tetap. Minat, tret personaliti dan kompetensi adalah kerana hasil yang mereka peroleh adalah bergantung pada sekuat mana usaha mereka lakukan sama ada usaha secara fizikal mahupun intelektual. Masa untuk hidup yang santai dan rehat adalah sangat terhad dan hidup sentiasa mencari peluang. Berbanding kerja makan gaji, kerana kerja ini adalah lebih mudah ianya perlu mengikut jadual tertentu untuk bekerja dan masa untuk berehat. Oleh kerana itu

kebanyakan golongan belia tersebut kurang meminati bidang keusahawanan dan memilih cara hidup yang lebih mudah dan selesa.

iii. Kurang modal untuk bersaing

Usahawan sering menghadapi kekurangan modal perniagaan untuk memulakan, membesarkan atau mengkomersialkan produk perniagaan mereka. Mereka juga tidak mampu untuk bersaing dengan usahawan lain bagi mendapatkan pinjaman modal daripada institusi-institusi kewangan yang mengenakan syarat yang ketat seperti usahawan mesti mempunyai kemahiran yang tertentu serta pengalaman perniagaan, kedudukan kewangan yang stabil dan cagaran harta. Usahawan belia sering kali berhadapan dengan masalah untuk memenuhi syarat-syarat tersebut. Keadaan ini menyebabkan mereka sering ketinggalan untuk bersaing serta meletakkan mereka kesediaan yang rendah untuk bersaing dengan pesaing mereka.

iv. Kekurangan Latihan dalam Bidang Keusahawanan

Kemudahan untuk mendapatkan latihan dalam perniagaan bagi usahawan belia adalah sangat terhad, terutamanya latihan dalam berbentuk "*hands on*" iaitu latihan yang memberi pendedahan berkaitan dunia usahawan yang berbentuk praktikal. Walaupun terdapat banyak agensi kerajaan yang menjalankan program pembangunan usahawan, masih terdapat usahawan belia yang tercincir daripada mendapat latihan tersebut. Keadaan ini amat

membimbangkan kerana ia akan menyebabkan usahawan belia tidak mempunyai latihan yang cukup bagi menjalankan perniagaan mereka dan akan berhadapan dengan pelbagai masalah yang tidak dapat diselesaikan kelak.

v. Infrastruktur yang terhad

Belia yang ingin menceburi kerjaya sebagai usahawan selalunya menghadapi masalah untuk mendapatkan tempat atau premis perniagaan mereka. Jika ada pun tempat yang sesuai, kadar sewa yang dikenakan pula tinggi. Dengan keadaan ini sudah pasti ia melibatkan kos yang besar bagi menjalankan perusahaan yang baru. Dalam masa yang sama, mereka juga terpaksa bersaing dengan pengusaha lain yang telah lama dalam dunia tersebut dan sudah stabil kedudukan kewangannya. Oleh yang demikian, masalah ini akan membantutkan usaha yang telah dijalankan oleh usahawan belia.

vi. Kekurangan saluran melahirkan usahawan

Terdapat dua saluran untuk melahirkan usahawan iaitu pendidikan formal dan pendidikan tidak formal. Pendidikan formal merujuk kepada pendidikan khas yang diberikan untuk melahirkan individu yang mempunyai kemahiran sebagai usahawan. Melalui saluran pendidikan formal, belia yang berminat dalam bidang keusahawanan akan melalui peringkat tertentu seperti persekolahan dan seterusnya ditentukan melalui kelayakan khusus yang membolehkan mereka memberi

tumpuan kepada bidang keusahawanan. Dengan kemahiran ini, belia tersebut telah dibekalkan dengan kemahiran dan pengetahuan tentang usahawan. Walau bagaimanapun, proses yang dalam saluran pendidikan formal memerlukan masa, kos perbelanjaan serta kelayakan tertentu yang mengehadkan penyertaan lebih ramai belia yang berminat dengan bidang keusahawanan.

Manakala pendidikan tidak formal membawa maksud pendidikan yang boleh diperoleh melalui pendedahan dan pengalaman dalam bidang keusahawanan. Melalui saluran pendidikan tidak formal, belia yang berminat dengan bidang keusahawanan hanya perlu melalui pendidikan formal atas sebelum melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Pendedahan dan pengalaman yang diperoleh dalam bidang keusahawanan secara tidak formal akan menjimatkan masa, kos perbelanjaan serta tidak memerlukan kelayakan minimum akademik yang rigid. Dengan ini, ia tidak menghadkan mana-mana belia yang ingin terlibat dengan bidang keusahawanan untuk aktif terlibat dalam dunia keusahawanan.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) di bawah Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia sejak ditubuhkan pada tahun 1978 yang dikenali dengan nama Institut Usahawan Belia (IUB) yang terletak di Institut Kemahiran Belia Dusun Tua, Hulu Langat, Selangor pada masa itu diletak di bawah unit sahaja peranannya memberi latihan usahawan selama enam

bulan dengan beberapa orang tenaga pengajar. Pada tahun 2005 Institut ini berpindah ke bangunan sendiri di Tronoh, Perak dan pada tahun 2007 Institut ini dinamakan Akademi Pembangunan Belia Malaysia(APBM) khusus untuk melatih peserta dalam bidang keusahawanan.

Bilangan peserta yang mengikuti pelbagai kursus usahawan dari tahun 2000 hingga 2008 mencecah 20,630 orang. Walau bagaimanapun, daripada jumlah tersebut hanya 3,860 orang telah terlibat dan berminat dalam bidang keusahawanan. Namun demikian, hanya 430 orang yang terus bertahan dan meneruskan kerjaya sebagai usahawan (Kementerian Belia dan Sukan, 2008). Kursus yang menjadi teras kepada usahawan ialah kursus Perancangan Perniagaan iaitu satu kursus jangka pendek yang dianjurkan oleh APBM bagi belia yang mendapat kemudahan pinjaman di bawah Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB) sebagai syarat untuk memohon pinjaman di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Dalam kursus jangka pendek ini terdapat kurikulum yang hanya kepada motivasi, pengenalan perniagaan, pemasaran dan penyediaan kertas kerja. Tidak ada elemen psikologi dalam kandungan kursus diberi penekanan.

Satu kajian ini perlu dilakukan selepas APBM dinaik taraf dan penyusunan semula selaras dengan penjenamaan sebagai akademik keusahawanan dengan membuat perubahan dan penambahbaikan dalam kurikulum kursus terutama dalam kursus perancangan perniagaan, di mana melihat akan perlu ciri minat, tret personaliti dan kompetensi dilihat dari aspek penggunaan alat pengukuran psikologi yang sedia ada untuk diterapkan sebagai modul untuk

melihat kekuatan dalaman usahawan dari segi minat, tret personaliti dan kompetensi seseorang usahawan itu.

Masalah penglibatan dan kelangsungan peserta dari Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) ke alam keusahawanan dari segi dorongan seperti minat, tret personaliti dan kompetensi diri adalah merupakan masalah yang perlu diperhatikan secara serius. Masalah ini boleh mengakibatkan kerugian kepada negara dan perbelanjaan kos yang tinggi kelak secara umumnya kerana negara telah kehilangan modal insan yang mahir dalam membangunkan sektor ekonomi negara.

Kursus perancangan perniagaan yang disediakan ini adalah bertujuan untuk membawa kepada perubahan dan pendekatan psikologi dan sikap terutama minat, tret personaliti dan kompetensi diri di kalangan peserta belia untuk membolehkan mereka membuat perubahan dalam persekitaran perkembangan sosioekonomi dalam bidang keusahawanan ini. Kursus dan program pembangunan keusahawanan ini adalah satu cara untuk membolehkan seseorang itu mencapai matlamat dirinya berdasarkan kepada minat, tret personaliti dan kompetensi diri yang bermasalah di kalangan peserta kursus.

Berdasarkan kepada keadaan ini, maka boleh dikatakan bahawa kursus pembangunan keusahawanan adalah satu usaha pembangunan untuk melengkapkan diri supaya peserta kursus bersedia secara fizikal dan mental, melalui input-input dan latihan yang disediakan dengan penekanan kepada

komponen dalam kursus tersebut iaitu dengan melihat minat, tret personaliti dan kompetensi belia ke arah menjadikan usahawan berjaya.

Kajian untuk menggunakan alat pengukuran psikologi ini penting dalam program APBM sangat penting untuk menentukan adakah objektif kursus telah dicapai setelah Kementerian mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi untuk dilaksanakan seluruh negara. Penggunaan alat psikologi untuk dimasukkan dalam salah satu modul untuk peserta dalam program kursus keusahawanan adalah wajar dan penting untuk melihat minat, tret personaliti dan kompetensi dalam bidang keusahawanan untuk berjaya. Sebelum ini kaedah penggunaan alat pengukuran psikologi tidak ada dalam modul dan kurikulum yang digunakan pakai adalah dalam bentuk ceramah, kerja kumpulan dan tidak bentuk latihan secara individu dengan melihat kekuatan dalaman secara mendalam di APBM. Modul dalam latihan hanya memberi tumpuan kepada aspek fizikal dan kurang memberi tumpuan kepada pembangunan atau pengembangan unsur dalaman peserta latihan tersebut. Satu kajian yang mengenal pasti dan melihat minat, tret personaliti dan kompetensi yang memberi kesan dalam kalangan peserta APBM. Justeru itu adalah sesuai jika dilihat lebih dekat tentang kajian elemen tersebut yang memberi kesan positif kepada pelaksanaan kursus seterusnya kepada para peserta.

## **1.4 Persoalan Kajian**

- i. Adakah belia yang mendapat latihan di APBM mempunyai minat terhadap kerjaya sebagai usahawan?
- ii. Apakah jenis tret personaliti dan kompetensi yang sesuai dimiliki oleh belia untuk menjadi usahawan?
- iii. Sejauh manakah belia yang telah mendapat latihan mempunyai minat, tret personaliti dan kompetensi berjaya melahirkan usahawan yang berwibawa di APBM?

## **1.5 Objektif Kajian**

Secara umum kajian ini adalah bertujuan untuk melihat kesesuaian penggunaan alat pengukuran psikologi mengenai minat, tret personaliti dan kompetensi dari segi psikologi kepada usahawan yang mengikuti kursus pembangunan keusahawanan di APBM.

### **1.5.1 Objektif Umum**

Objektif umum kajian ini ialah untuk menentukan minat, tret personaliti dan kompetensi diri belia dalam kalangan peserta Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, terhadap kerjaya sebagai usahawan yang berjaya.

### **1.5.2 Objektif Khusus**

- i. Mengenal pasti demografi minat, tret personaliti dan kompetensi diri sebagai usahawan dalam kalangan belia Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM).
- ii. Mengenal pasti mengenai skor minat dalam kalangan pelatih Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM).
- iii. Mengenal pasti skor tret personaliti dalam kalangan belia Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM).
- iv. Mengenal pasti kompetensi diri dalam kalangan belia Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM).

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Dapatan kajian ini diharap dapat memberi maklumat kepada APBM dalam melihat penggunaan alat pengukuran psikologi ini dijangka akan dapat memberi manfaat kepada Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM). Ia juga dapat mengukur tahap pencapaian objektif APBM dari segi minat, tret personaliti dan kompetensi dari aspek faktor dalaman tentang pengetahuan keusahawanan selepas mengikuti program kursus keusahawanan.

Dapatan kajian ini juga diharap dapat membantu tenaga pengajar dan menilai apakah aspek yang diberi penekanan dalam pemupukan budaya keusahawanan peserta kursus seterusnya mencapai objektif penubuhan

APBM. Kajian juga dapat mempertingkatkan KBS dalam memperkasakan lagi program keusahawanan ini. Dapatan kajian juga penting kepada pihak APBM dalam merealisasikan harapan KBS dan kerajaan bagi mengubah persepsi peserta APBM terhadap keusahawanan sebagai salah satu kerjaya pilihan kepada belia yang berminat untuk berjaya menjadi usahawan. Dapatan kajian ini juga dapat meyakinkan pihak APBM dengan kesungguhan KBS memertabatkan bidang keusahawanan bersama dalam menjayakan agenda kerajaan ini bagi kepentingan masyarakat khusus kepada golongan belia yang menceburi bidang keusahawanan.

Kajian ini juga membuktikan kepada mereka sebagai kekuatan dalam dalam menyumbang untuk pembentukan minat, tret personaliti dan kompetensi dalam kerjaya keusahawanan. Minat, tret personaliti dan kompetensi para usahawan belia, berupaya untuk berkembang jika berada dalam situasi yang betul dimana aktiviti menjalankan perniagaan memberi pulangan pendapatan yang lumayan, memberi pengalaman yang sebenar kepada belia dan menyumbang kepada pengetahuan tentang keusahawanan seterusnya sekali gus membentuk minat, personaliti dan kompetensi dalam keusahawanan sebagai usahawan yang berjaya.

### **1.7 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya terbatas kepada para belia yang mengikuti kursus perancangan perniagaan yang dianjukan oleh Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negeri-Negeri

dan Pejabat Belia dan Sukan Daerah. Sampel yang dipilih kepada belia yang berminat dalam menceburi bidan perniagaan dan untuk memohon mendapat kemudahan pinjaman dengan KBS. Penyelidik telah membataskan kajian mengikut persoalan kajian yang menjadi aspek utama dalam menggunakan alat pengukuran psikologi yang berasaskan minat, tret personaliti dan kompetensi usahawan ke atas belia yang sedang mengikuti kursus perancangan perniagaan.

Dalam mengkaji minat, tret personaliti dan kompetensi usahawan belia banyak pembolehubah yang mempunyai hubungan dengan pemboleh ubah utama di atas. Dapatan kajian ini hanya pembolehubah berikut akan diberi perhatian iaitu jantina, lokasi, akademik dan pekerjaan bapa.

### **1.8 Definisi Istilah**

Beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini diberikan penjelasan mengikut kesesuaian kajian.

i. Minat

Kecenderungan kepada sesuatu perkara yang amat mendalam terhadap kerjaya keusahawanan.

II. Tret Personaliti

Seseorang individu yang menentukan ciri-ciri tingkah laku, perwatakan dan pemikiran seseorang. Tret personaliti dalam kajian ini adalah

berdasarkan kepada 16 tret personaliti untuk mengenal pasti potensi diri usahawan.

iii Kompetensi

Potensi seseorang dalam bidang keusahawanan dan mempunyai ciri-ciri personaliti ke arah kerjaya keusahawanan.

iv Usahawan

Individu atau kumpulan yang menjalankan dan mengusahakan perniagaan dengan mengambil risiko dan ketidaktentuan untuk mendapatkan keuntungan dan berkembang maju dengan mengenal pasti peluang perniagaan yang ada.

v. Usahawan Belia

Menurut definisi yang digunakan oleh Kementerian Belia dan Sukan, usahawan belia merujuk kepada individu yang berumur 18-40 tahun yang layak mendapat kemudahan pinjaman dan telah menghadiri kursus yang dianjurkan oleh Kementerian atau Jabatan yang berkaitan.

vi. Kekuatan Dalaman

Menerangkan minat kepada kerjaya sebagai usahawan serta mempunyai personaliti usahawan dan kompetensi diri usahawan.

vii. Keyakinan Diri

Menonjolkan keyakinan diri terhadap keupayaan untuk mengambil risiko dan menyahut cabaran dalam melaksanakan tugas.



## BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz Yusof. (1998). *Asas-Asas Keusahawanan dan Pengukuhan Jaringan Rakan Niaga*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Aziz Yusof. (2000). *Usahawan dan Pengukuhan Jaringan Rakan Niaga*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Aziz Yusof. (2003). *Prinsip Keusahawanan*. Selangor: Prentice Hall (M) Sdn. Bhd.
- Adnan Alias. (1997). *Usahawan dan Keusahawanan*. Shah Alam: SMART Print & Stationer Sdn. Bhd.
- Adnan Alias. (1998). *A Study of Entrepreneur Characteristics Business Plans and Start – up Capital of Unsuccessful New Ventures: Case of a Venture creation Program in a Developing Country*. Dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adnan, A. dan Mohd. Dahlan. (2002). *Konsep Keusahawanan Islam*. Shah Alam: MEDEC Institut Teknologi MARA.
- Ahmad Sarji, Abdul Hamid, (1996 ). *Perkhidmatan Awam Malaysia Bertaraf Dunia*. Kuala Lumpur: INTAN, Jabatan Perkhidmatan Awam.
- Ainon Mohamad, ( 2003 ), *Psikojogi Kejayaan* : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Allport, G.W. (1971). *Personality: A Psychological Interpretation*. London: Constable.
- Amir Awang, (1983 ), *Remaja dan Dunia Pekerjaan*. Dewan Masyarakat. Vol 21(12): ms 4-7
- Amir Awang, (1984 ), *Pengantar Bimbingan dan Kauseling*, Pulau Pinang, Universiti Saian Malaysia.
- Ahmad Shafee Sabaruddin. (2003). *Kecemerlangan Hak Setiap Orang, Kisah Seorang Usahawan Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta Sdn. Berhad.
- Azlina Abu Bakar@Mohd, (2002) *Psikologi Personaliti Individu*, Karisma Publications Sdn Bhd, Shah Alam, cetakan ketiga (2005)
- Azimi, H., Awang, M. dan Aishah. *Penyelidikan dan Pembangunan. Dalam Pelan*

- Barjoyai Bardai. (2000). *Keusahawanan dan Perniagaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, D. & L. Brooks. ( 1984 ) *Career Choice and Development*. San Francisco: Jossey- Bass Publishers.
- Crow, L.O. ( 1967 ). *Self- Psychology of Human Adjustment*. New York: Alfred A. Knopf.
- Co.Mujahid, Y. (2002). *Kecemerlangan Dunia dan Akhirat Melalui Bisnes*. Johor Corporation.
- Mohd. Majid Konting. (1993 ). *Kaedah Penyelidikan pendidikan* , Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Geoffrey, M.M. (1984). *Keusahawanan Teori dan Praktis*. Pustaka Binaman Press Inc.
- Gibb, ( 2000 ). Seif-Employment and Jab Creation. *Small Business Economics*. Vol 19: 255-270.
- Guilford, J.P. ( 1959 ). *Personality*. New York: McGraw Hill Book Company.
- Greene. ( 2000 ). The Power of Entrepreneurial Vision Vocational Education. *Educational Journal*. Vol 64(8) : ms 28-29
- Histrich dan Peter. ( 1998 ). *Essential of Entrepreneurship and Small Bisiness Management*. ( 4th ed. US: Prentice Hall.
- Holland, J.L (1985). *The Self Directed Search-Form E. For Educational and Vocational Planning*. Florida: Psychological Assessment Resources, Inc.
- Jaafar Muhammad. (2003). *Asas Pengurusan Perniagaan* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Jabatan Perdana Menteri. *Garis Panduan Mengenai Konsep Matlamat dan Strategi Pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputra (MPPB)*. Unit Penyelarasian Pelaksanaan.
- Jamiah, H. (2005). *Metodologi Pembentukan Inventori Religiosity dan Personaliti Muslim*. Tesis master, Universiti Putra Malaysia.
- Jamaluddin Che Sab (1992). *Teori – Teori Keusahawanan*, Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia ( MEDEC), Universiti Institut Teknologi Mara, Shah Alam , 1998.
- Kerajaan Malaysia , Rancangan Malaysia Ke Sembilan ( Rmke-9 ). Percetakan Negara 2006.

Kementerian Belia dan Sukan, (2003) *Anugerah Tokoh Usahawan: KBS* .

Kementerian Belia dan Sukan (2004) Institut Keusahawanan Belia Negara Laporan Tahunan 2004, KBS

Kementerian Belia dan Sukan (2008) Laporan Tahunan 2008, KBS

Kementerian Belia dan Sukan. Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional (PIBN) .(2000)

Kementerian Belia dan Sukan, 1996 *Model Pembangunan Usahawan KBS*.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, 2004. *Bengkel Persediaan RM ke 9 – Program MPPB 2010 : Mecd 2004.*

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Ehwal Pengguna.KPDNHEP)Rukunniaga Malaysia yang telah digubal oleh Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN) pada tahun 1999. Rukunniaga Malaysia (The Malaysian Business Code of Ethics)

Kementerian Belia dan Sukan, ( 2005) Program Pembangunan Keusahawanan ( Tidak diterbitkan).

Kementerian Belia dan Sukan, ( 2006) Skim Pinjaman Tabung Amanah Pembangunan Ekonomi Belia. ( Tidak diterbitkan).

Khalid Nordin, (2007) *Penyertaan Lepasan Siwazah Dalam Kerjaya Keusahawanan Dalam Teks Ucapan Karnival Prgram Pembudayaan Keusahawanan di IPTA 2007: INSKEN 2007.*

Laporan Tahunan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kuala Lumpur 2006.

Livingstone dan Lunt. ( 1992 ). Predicting Personnel Debt and Debt Repayment: Psychological, Social and Economic Determinants. *Journal of Economic Psychology*. Vol 13: ms 111-120.

Kirzner, J.M ( 1980 ) *The Primacy of Enterpreneurial*. Paper presented at IEA Cooloquium, London.

Kuratko dan Hodgetts. (2004) *The Entrepreneur, Mainstream Views and Radical Critiques* Edisi Ke-2, New York: Praeger

Mahmood Nazar Mohamed. (2001). *Usahawan Melayu dan Bukan: Adakah Sifat Mereka Berbeza*. Pusat Penyelidikan dan Perundingan Universiti Utara Malaysia.

Malaysian Entrepreneurship Development Center (MEDEC). (1997). *Keusahawanan*. Shah Alam: Percetakan Warna Sdn. Bhd.

- Mahayuddin Mohd Yassin,(1996) Ucapan Dasar, Kementerian Belia dan Sukan.
- Mahathir Mohamad, (2002) *Panduan Peniaga Kecil*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, cetaka keempat tahun 2002.
- Mariyah Suhaimi. (1998). *Characteristic of Successful Women Entrepreneurs*. Kertas projek Universiti Putra Malaysia.
- McClelland, D.C. (1961). *The Achieving Society*. New Jersey: Van No strand Reinhardt Co.
- McClelland, D.C. ( 1984). *Human Motivation*. London: Scott Foresman.
- Nawawi, Hj. Mohd Jam. (1992). Kompetensi Keusahawanan dalam MEDEC. Shah Alam: Biroteks.
- Nor Aishah, B. (2002). *Asas Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Norhafiza. ( 2001 ). Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja di Sekolah Menengah. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Putera Malaysia, Serdang.
- Norsiah Mohd Nor. (1995). *Komitmen Belia Tani dalam Projek Pertanian di Negeri Selangor dan Faktor-faktor Berkaitan Dengannya*. Kertas projek, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Rashidah. ( 2000 ). Pelaksanaan Program Usahawan Muda 'Tunas Bestari' Anjuran IPPJ yang dijalankan di Sekolah-Sekolah Johor. *Latihan Ilmiah*. UTM
- Rychman. MR, (2000), *Theories of Personality*, USA, Wadsworth, Thomson Learning Co.
- Sabri bin Haji Husin. (2002). *Pengenalan kepada Perniagaan*. Singapore: Thomson Learning.
- Sexton dab Kasarda. ( 1992 ). *The State of the Art of Entrepreneurship*. Bostaon: Kent Publishing Co.
- Shahadan Abdul Manas. (1981). *Peranan dan Rancangan Kemas dalam Pembangunan Masyarakat*. Kementerian Pembangunan Usahawan Malaysia.
- Suhaimi, M. ( 1991 ) Expert-Seekingg Activity Framework. *Journal of Advancing Information and Management Studies*. Vol(1): ms 63-73
- Super, D.E. 1957. *The Psychology of Careers*. New York:bHarper & Row Publisher

- Sidek Mohd. Noah. (1998). *Pengujian dalam Psikologi dan Kaunseling: Untuk Pelajar Psikologi dan Kaunseling*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sidek Mohd. Noah. (2005). *Pengujian dalam Psikologi dan Kaunseling: Teori dan Implikasi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sidik Mohd Noah. (1998). *Pengujian dalam Psikologi dan Kaunseling*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sidik Mohd Noah. (2002). *Perkembangan Kerjaya, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sulaiman Masri. (2003). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan: Penulisan Esei, Proposal, Tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distribution Sdn. Bhd.
- Strong, (1954) *Entrepreneurship Strategies and Resources*. US. Austen Press.
- Tjok, S. T and Worth, J. (1995). *Using Competence Standards To Review The People Side Of The Business*. Executive Development and Internet Conference.
- Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional*.(2000) Kementerian Belia dan Sukan.
- Yusof, R. (1991). *Tesis Faktor yang Mempengaruhi kejayaan dalam Perniagaan Usahawan Kecil*. Kajian kes bandar Alor Setar, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Zafir Mohd Makhbul dan Fazilah Mohamad Husin. (2003). *Menjadi Usahawan, Siri Pengurusan*. Kuala Lumpur: PTS Publications and Distribution Sdn. Bhd.
- Zaharudin Yahya. (1995). *Memilih Perniagaan Yang Berdaya Maju*. Kelantan: AlKafilah Enterprise.
- Zulkifli Muhamad. (1994). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kejayaan Usahawan Bumiputra di Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah), Terengganu Darul Iman*. Kertas projek, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Alias. (1998). *Keusahawanan dan Motivasi Diri*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Alias. (1993). Kemahiran Keusahawanan dalam Pendidikan Vakasional, satu jaminan Kerjaya. *Jurnal Pendidikan*. Vol 37(78)